



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KEM KAPTEN KELUARGA MEMPERKUKUH HUBUNGAN AYAH DAN ANAK

KUCHING, 15 JUN – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Sarawak telah menganjurkan Kem KAPTEN Keluarga bersempena Sambutan Hari Bapa Tahun 2025 bagi memperkukuh hubungan antara ayah dan anak lelaki.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dalam ucapan perasmian berkata, program ini merupakan inisiatif penting untuk memberi ruang dan peluang kepada golongan bapa membina hubungan yang lebih erat dan bermakna dengan anak lelaki dalam suasana santai dan menyeronokkan.

Menurutnya lagi, ayah kini perlu mendidik anak bukan sahaja tentang dunia nyata, tetapi juga tentang keselamatan siber, buli siber, penipuan dalam talian dan etika digital. Keperluan untuk mendidik anak menjadi warganet yang bertanggungjawab dan berakhlak sangat penting dan ini juga terkandung di dalam Modul PEKA dan KASIH Keibubapaan Digital yang dilaksanakan oleh LPPKN.

Dalam era moden yang serba mencabar ini, peranan sebagai seorang bapa turut menuntut penglibatan emosi, intelektual dan sosial yang mendalam. Menerusi Tinjauan Pendapat Umum Bersempena Sambutan Hari Bapa 2024, didapati bahawa sembilan daripada sepuluh bapa mengakui bahawa menjadi seorang ayah pada masa kini jauh lebih mencabar berbanding zaman dahulu. Cabaran utama yang dihadapi oleh para bapa ialah kos sara hidup yang tinggi iaitu 84.4 peratus (%) diikuti masalah keseimbangan antara kerja dengan kehidupan sebanyak 72.9 peratus (%).

Selaras dengan tema “Ayahku Kapten Keluarga”, pengaruh seorang ayah amat besar terutamanya kepada anak lelaki yang cenderung memerhati, meneladani dan meniru setiap tingkah laku ayah mereka. Daripada tutur kata hingga ke cara menyantuni tanggungjawab, keperibadian seorang ayah menjadi cerminan awal kepada makna kepimpinan, kasih sayang, dan amanah dalam keluarga.

Kem tiga hari dua malam ini menyediakan pelbagai pengisian termasuk Sesi “Kenal Ayah, Kenali Anakmu”, “Eksplorasi KASIH Keluarga”, “Bicara Hati, Mendengar Emosi”, “Membina Ketekalan Kebapaan”, “Refleksi Diri”, “Seribu Harapan Ayah”, “Eksplorasi KASIH Keluarga”, “Sejuta Impian Anak” dan sesi terakhir “Legasi Bapa, Mandiri Anak” bagi memupuk komunikasi yang lebih terbuka antara ayah dan anak lelaki serta memperkukuh ikatan kekeluargaan.

Turut hadir ialah YBhg. Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi LPPKN, YBrs. Encik Abdul Shukur Abdullah Ketua Pengarah LPPKN dan pegawai-pegawai kanan Kementerian dan agensi.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
15 JUN 2025**